



SIARAN MEDIA

FINAS BUKA DANA PSA BERTEMAKAN “MALAYSIA MADANI”

PETALING JAYA, 15 Mac 2024 – Kementerian Komunikasi melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) sebagai agensi pelaksana Dana Kandungan Digital (DKD) membuka pelawaan dan tawaran Pesanan Khidmat Awam/ *Public Service Announcement* (PSA) kepada syarikat produksi tempatan yang berkeelayakan.

Dana PSA yang bertemakan “Malaysia MADANI” ini dibuka mulai 15 Mac hingga 15 April 2024 bagi memperbanyak penerbitan bertemakan kenegaraan, khususnya yang beraspirasikan perpaduan, budaya, nilai-nilai murni dan agenda nasional.

Penerbitan ini juga merupakan wadah bagi mengisi slot tayangan sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, serta perayaan dan festival utama negara, termasuklah sebagai bahan hebahan tentang aspirasi Malaysia MADANI.

Permohonan kini dibuka secara dalam talian menerusi pautan <http://sppik.finas.my/>. Permohonan adalah tertakluk kepada Garis Panduan dan Peraturan DKD yang berkuat kuasa.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Pengurusan Produksi FINAS melalui e-mel infodkd@finas.my/sitinoraiysha@finas.my/intansyahira@finas.my.

**Dikeluarkan oleh:
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)**